



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)

AKHBAR	MUKA SURAT
Berita Harian	
- MDHS diharap bantu promosi medan selera	62
- Selangor setuju termina bas baharu di Seksyen 13	63
Sinar Harian	
- Tanah dirampas jika dilakukan pembakaran terbuka	3
- Face masks for Selangor residents	4
- Sokong bina terminal bas	29
- Roboh rumah ikut prosedur	
- Komited hijaukan bumi	29
The Star	
- Face masks for Selangor residents	4
Kosmo	
- Didenda RM1,000 merokok di HKL	12



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	MDHS diharap bantu promosi medan selera
Muka Surat	62

MDHS diharap bantu promosi medan selera

Dibuka lebih 15 tahun kurang dapat sambutan pengunjung

Oleh Md Fuzi Abd Lateh
bhnews@bh.com.my

Rawang: Biar pun lebih 15 tahun dibuka, Medan Selera Bandar Sungai Buaya masih kurang mendapat sambutan penduduk setempat dan pengunjung. Justeru, peniaga di medan selera itu berharap Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) dapat membantu mempromosikan kemudahan yang kurang disedari kewujudannya.

Seorang peniaga, Tukiman Tunipang, 54, berkata medan selera itu mempunyai 23 lot kedai untuk disewa, hanya sembilan lot kedai makan disewa daripada MDHS dan beroperasi dari jam 7 pagi hingga lewat malam di situ.

Katanya, peniaga berpandangan usaha boleh digalakkan untuk menarik trafik dan membaiki premis medan selera yang rosak.

"Sejak beberapa bulan



Kami harap lebih ramai peniaga menyewa premis ini supaya lokasi semakin meriah dan dikunjungi pelanggan.

Tukiman Tunipang, Peniaga

lalu, medan selera di sini mula menerima kunjungan, tetapi perlu dibuat penambahbaikan, termasuk promosi lokasi dan pengalangan program kemasyarakatan dari semasa ke semasa.

"Kami harap lebih ramai peniaga menyewa premis ini supaya lokasi semakin meriah dan dikunjungi pelanggan."

"Banyak lagi gerai kosong boleh disewa dari

pada MDHS," katanya.

Tukiman yang mula berniaga di situ sejak empat tahun lalu, beroperasi mulai jam 6 petang hingga jam 2 pagi setiap hari.

Katanya, antara kemudahan yang disediakan pejalan berdekatan medan selera itu adalah padang futsal dan tapak pasar malam yang belum beroperasi sepenuhnya.

"Perumahan ini mempunyai lebih 10,000 penduduk, tetapi masih kurang yang berkunjung ke medan selera membawa keluarga."

"Kami mengharapkan sokongan masyarakat setempat kerana sejak awal pagi ada peniaga menjual makanan untuk sarapan manakala harganya juga berpatutan," katanya.

Nor Aziah Musa, 35, berharap pelbagai agensi kerajaan bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat bekerjasama menganjurkan program kemasyarakatan setiap minggu untuk menghidupkan suasana di medan selera itu.

Katanya, kawasan tanah lapang boleh digunakan untuk aktiviti seperti pengalangan karnival, ekspo dan gerai pameran awam.

"Kami berharap destinasi ini terus dibangun dan dimajukan demi manfaat penduduk," katanya.

6H 19/09/19 m/s 62



Lot kedai di Medan Selera Bandar Sungai Buaya masih banyak yang kosong.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR	
19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Berita Harian
Tajuk Berita	Selangor setuju terminal bas baharu di Seksyen 13
Muka Surat	63

BH 19/09/19 ms 63

Selangor setuju terminal bas baharu di Seksyen 13

Shah Alam: Kerajaan Selangor menyokong cadangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) supaya satu lagi terminal bas dibina, iaitu di Seksyen 13 di sini, bagi menampung peningkatan jumlah penumpang dan perkhidmatan pengangkutan awam.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari, berkata terminal bas itu boleh dibina jika ada keperluan memandangkan Seksyen 13 adalah kawasan pesat membangun, termasuk kewujudan beberapa institusi pengajian tinggi.

"Saya menyokong penuh, tetapi perlu ada perbincangan dengan beberapa agensi berkaitan sebelum projek dilaksanakan," katanya selepas merasmikan Terminal Bas Seksyen 17 serta laluan bas Smart Selangor SA04 di sini, semalam.

Beliau diminta mengulas cadangan Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Haris Kasim, supaya sebuah lagi terminal bas dibina berdekatan Stadium Shah Alam menerusi Rancangan Malaysia Ke-12 (RM-Ke-12).

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Kamarudin Jafar dan Setiausaha Kerajaan Selangor, Datuk Amin Ahmad Ahya.

Terdahulu, Amirudin melancarkan Terminal Bas Seksyen 17 (Terminal 17) selepas mula beroperasi pada 1 Mei lalu.

Beliau berkata, Terminal 17 adalah projek kerajaan Persekutuan dengan kerjasama MBSA dan ia menunjukkan komitmen pihak berkuasa tempatan (PBT) itu dalam menyediakan kemudahan pengangkutan awam kepada warganya.

Pada masa sama, katanya, laluan tambahan bas Smart Selangor yang dilancarkan pada majlis sama, bakal melalui kampus Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan ia adalah usaha baik untuk mengurangkan beban pelajar serta warga kerja universiti berkenaan.

"Pada masa ini, kita menyediakan empat bas di laluan berkenaan untuk memastikan rangka masa, iaitu 15-20 minit dapat ditepati dan akan menambah bilangannya jika ada keperluan," katanya.

Sementara itu, Haris berkata, sehingga kini terminal bas berkenaan sudah menerima 192,000 penumpang dan purata jumlah tiket sebulan adalah 35,241.

"Dengan pengumpulan data berkenaan, MBSA memandang serius aspek penyelesaian dan kesejahteraan penumpang," katanya.

Terminal bas itu boleh dibina jika ada keperluan memandangkan Seksyen 13 adalah kawasan pesat membangun.

Amirudin Shari,
Menteri Besar Selangor



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Tanah dirampas jika dilakukan pembakaran terbuka
Muka Surat	3

SH 19/09/19 m/s 3

Tanah dirampas jika lakukan pembakaran terbuka

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor ber-tegas menjalankan tindakan penguatkuasaan termasuk merampas tanah milik individu yang dikesan kerap melakukan pembakaran terbuka sehingga menyebabkan peningkatan Indeks Pencemaran Udara (IPU) di Johan Setia; Klang.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi dan Hal Ehwal Pengguna, Hee Loy Sian berkata, Pejabat Tanah dan Daerah Klang akan melakukan tindakan mengikut prosedur ditetapkan terhadap mana-mana individu terbabit.

Menurutnya, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Selangor sehingga kini mengeluarkan sebanyak 27 kompaun dan sedang dalam penyediaan tiga kertas siasatan atas kesalahan pembakaran terbuka mengikut Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di seluruh negeri.

"Jabatan penguat kuasa yang lain juga seperti Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah dan Daerah yang berkenaan turut mengambil tindakan perundangan berkaitan bagi kes pembakaran terbuka," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri membuat beberapa ketetapan berhubung isu jerebu yang melanda negara pada Mesyuarat Pembakaran Terbuka dan Pengurusan Tanah Gambut Peringkat Negeri kelmarin.

"Ketetapan itu termasuklah mengadakan perbincangan menyelaraskan keputusan bagi penutupan sekolah-sekolah di seluruh negeri ketika jerebu," katanya.

Selain itu, katanya, kerajaan negeri juga melalui Jabatan Meteorologi Negeri Selangor meningkatkan kekerapan Operasi Pembenihan Awan (OPA) di kawasan terjejas yang mempunyai bacaan IPU melebihi 150.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Sokong bina terminal bas
Muka Surat	29

SINAR HARIAN • KHAMIS 19 SEPTEMBER 2019 29

Sinar TENGGAH

Sokong bina terminal bas SH 19/9/19 M/S 29

Kerajaan Selangor lihat Seksyen 13 berpotensi untuk dibangunkan

ASYRAF MUHAMMAD

SHAH ALAM

Kerajaan Selangor menyokong perancangan untuk membina sebuah terminal bas di Seksyen 13 di sini susulan kerancangan pembangunan di kawasan itu.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, melalui pelaksanaan itu, Seksyen 13 juga berpotensi untuk menjadi sebuah pusat pengangkutan menerusi Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Shah

Amirudin (tiga dari kiri) menurunkan tandatangan sebagai gimik perasmian Terminal 17 semalam.

Alam (MBSA).

Menurutnya, bagaimanapun, pelaksanaan pembinaan terminal baharu itu semestinya memerlukan perbincangan dan diskusi lebih menyeluruh bersama

agensi serta jabatan berkaitan.

“Saya menyokong penuh sekiranya ada perancangan untuk membina terminal bas di Seksyen 13 memandangkan kawasan

itu juga turut mempunyai beberapa institusi pengajian dan kerancangan pembangunan di sana,” katanya pada Majlis Perasmian Terminal Bas Seksyen 17 dan Pelancaran Laluan

Bas Smart Selangor S04 Bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam di sini semalam.

Mengulas mengenai pelancaran itu, Amirudin berkata, tambahan laluan berkenaan yang memasuki kampus UiTM Shah Alam dapat meringankan beban terutamanya pelajar yang terpaksa mengikat perut berikutan kenaikan kos sara hidup pada masa kini.

Katanya, penambahan laluan berkenaan dilihat sebagai satu inisiatif yang baik dan bertepatan dalam membantu golongan pelajar serta menepati kriteria laluan.

“Antara kriteria laluan adalah bas tersebut perlu mengutamakan laluan kawasan tumpuan pembangunan dan perumahan padat serta hubungan dengan sistem pengangkutan lain,” katanya.

Dalam pada itu, Amirudin berkata, kemudahan Terminal 17 akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan pengangkutan awam sekali gus mengangkat imej bandaraya Shah Alam di mata masyarakat.

Menurutnya, terminal ini turut dilengkapi dengan Terminal Management System (TMS) seperti mana yang diguna pakai di Terminal Bersepadu Selatan (TBS), Penang Sentral, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan KLIA 2.

“Antara kelebihan TMS adalah bebas ulat tiket iaitu tiada penjualan tiket secara haram, jadual pelepasan tiket secara haram, jadual pelepasan dan ketibaan bas disusun serta dikemaskini bagi memberi keselesaan kepada pengguna,” katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Roboh rumah ikut prosedur
Muka Surat	29

Roboh rumah ikut prosedur

SH
19/9/19
M/S 29


SUNGAI BULOH - Operasi merobohkan rumah berhampiran Sungai Kedondong, Paya Jaras dekat sini yang dibina di atas tanah rizab milik Kerajaan Selangor dilaksanakan mengikut prosedur ditetapkan dengan penyerahan notis awal kepada penduduk terlibat.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman berkata, pelaksanaan perobohan itu sebenarnya telah dirancang sejak 2008 lagi dan penduduk terlibat telah menerima notis pertama sejak 2015.

Menurutnya, bagaimanapun, pihaknya pada waktu itu membantah perobohan berkenaan memandangkan penduduk terlibat tidak mendapat tawaran Rumah Selangorku sebagai pampasan kepada perobohan terbabit.

"Lepas itu, kita terus usaha dan akhirnya mereka dapat tawaran Rumah Selangorku dan tidak perlu menunggu giliran seperti penduduk lain.

"Dan pada 2 Ogos lepas kita serahkan surat tawaran



Antara kediaman yang dirobohkan di kawasan berhampiran Sungai Kedondong, Paya Jaras semalam.

(Rumah Selangorku) berkenaan dan memberi notis untuk perobohan berkenaan beberapa hari kemudian dengan menetapkan tempoh selama 30 hari buat penduduk mencari rumah sewa lain," katanya kepada *Sinar Harian* di sini semalam.

Semalam *Sinar Harian* melaporkan mengenai gesaan 92 orang penduduk terlibat yang meminta agar Kerajaan Selangor dapat menangguhkan terlebih dahulu proses perobohan kediaman mereka sehingga

akhir tahun ini.

Mengulas lanjut mengenai perobohan itu, Mohd Khairuddin berkata, ada di antara penduduk yang masih berdegil dan mengharapkan beberapa tuntutan lain daripada kerajaan negeri seperti membayar pampasan deposit sewa rumah serta sewa bulanan.

"Malah mereka juga enggan untuk melengkapkan dokumen tawaran Rumah Selangorku itu kerana mengharapkan pampasan lain," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Komited hijaukan bumi
Muka Surat	39

34 19/9/19 m/s 39

Komited hijaukan bumi

Perangsang Selangor buktikan mereka cakna pulihara alam sekitar

SHAFIQ TINO

JOHOR BAHRU

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) membuktikan mereka adalah sebuah syarikat korporat yang mementingkan aspek pemuliharaan alam sekitar dengan usaha menanam sebanyak 100 anak pokok.

Usaha itu dijayakan menerusi Program Eco Frenz Perangsang Selangor 2019 bersama anak syarikatnya, Century Bond Berhad (CBB) di Taman Bunga Raya di sini Ahad lalu itu bertujuan meningkatkan tahap kesedaran orang awam berhubung pemeliharaan alam sekitar.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) Perangsang Selangor, Suzila Khairuddin berkata, sebanyak lima spesies pokok iaitu ketapang, semarak, api, jancaranda dan bunga raya

info

Pokok ditanam terdiri daripada lima spesies iaitu ketapang, semarak, api, jancaranda dan bunga raya

semarak, api, jancaranda dan bunga raya dipilih untuk menghiasi taman rekreasi berkenaan.

Katanya, pemilihan anak pokok berkenaan sesuai dengan hasrat mereka untuk menghijaukan taman rekreasi awam.

"Sebagai badan korporat bertanggungjawab, Perangsang Selangor sentiasa komited dalam memastikan kelestarian aspek ekonomi, alam sekitar dan sosial.

"Justeru, program bercirikan pendidikan, Eco Frenz ini adalah terjemahan yang mahu kita tonjolkan khusus untuk semua masyarakat dalam ber-

sama-sama memelihara keindahan alam sekitar," katanya pada program berkenaan di sini Ahad lalu.

Suzila berkata, program Eco Frenz yang dianjurkan pada kali ini merupakan yang pertama diadakan di luar Selangor.

Katanya, mereka memilih Johor kerana program dibantu oleh CBB yang terlibat dalam perniagaan pembuatan pembungkusan bersepadu berasaskan kertas di Senai.



Suzila (dua dari kanan) bersama Amran (tiga dari kanan) menyiram pokok yang ditanam sempena pelancaran program berkenaan di Taman Bunga Raya, Johor Bahru Ahad lalu.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	The Star
Tajuk Berita	Face masks for Selangor residents
Muka Surat	4

4 News

STARMETRO, THURSDAY 19 SEPTEMBER 2019

TS
19/09/19 m/s 4

Face masks for Selangor residents

Giveaway among resolutions made at open burning meeting as haze worsens

By EDWARD RAJENDRA and KALAIVANI MURUGASAN
metro@thestar.com.my

THE Selangor government will be distributing face masks to residents in areas where the air pollutant index (API) has breached 150.

This was among the resolutions agreed upon during a meeting on open burning in Selangor chaired by state environment, green technology and consumer affairs committee chairman Hee Loy Sian.

"The state government through the Selangor Meteorological Department will also increase the frequency of cloud seeding operations in areas where the API reading is more than 150," said Hee in a statement.

The state government has also decided to extend patrolling by enforcement agencies such as the Selangor Environment Department (DOE), local authorities, land and district offices as well as the Fire and Rescue Department to prevent open burning.

"The state DOE has also issued 27 compounds and is preparing three investigation papers for open burning offences under Section 29A of the Environmental Quality Act 1974," Hee said.

Fire and Rescue Department



SMK Methodist ACS Klang security guard, Jothilakshmi Ponnusamy, 48, pasting a message to inform students and parents of the school's closure. All schools in Klang were closed yesterday due to the worsening haze.

Bernam, Kuala Langat and Petaling Utama education offices. Another 86 schools were closed in Petaling Utama, Sepang (52), Hulu Langat (61), Gombak (23), Kuala Langat (21), Sabak Bernam (18) and Kuala Selangor (five).

Klang district officer Mohd Zainal Mohd Nor, who is also Klang district disaster management committee chairman, said the committee had advised the Klang District Education Office to close schools as soon as the API registers 200.

"We see that there is no sign of a let-up in the haze situation and we are concerned about schoolchildren's health.

"Most of them are coughing and complaining of eye irritation. It is better that the children stay at home," he said.

Petaling Jaya City Council (MBPP) also issued a statement that it was postponing all outdoor activities. Among the events affected are the 13th MBPP Swimming Festival scheduled for Sept 21.

The public is advised to minimise outdoor activities and keep up-to-date on the latest API readings through the MyIPU app.

An API reading of 0 to 50 is categorised as good, 51 to 100 (moderate), 101 to 200 (unhealthy), 201 to 300 (very unhealthy) and 300 and above (hazardous).

Klang District zone chief Samsol Maarif Saibani said his men were conducting 24-hour monitoring of three areas, namely Johan Setia, Pulau Indah and Telok Gong to ensure no open burning was taking place.

Meanwhile, all schools in Klang

and Petaling Perdana were closed yesterday due to the worsening haze.

A total of 139 schools are affected in Petaling Perdana while 133 schools were closed in Klang with only teachers and clerical staff reporting for duty.

In a statement, the Education Ministry said 538 schools were closed in Selangor involving 584,595 students in total.

These schools are under the purview of the Petaling Perdana, Klang, Kuala Selangor, Gombak, Hulu Langat, Sepang, Sabak



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 19 SEPTEMBER 2019 (KHAMIS)	
Akhbar	Kosmo
Tajuk Berita	Didenda RM1,000 merokok di HKL
Muka Surat	12

Penjawat awam mengaku bersalah rayu diberikan hukuman ringan

Didenda RM1,000 merokok di HKL

KUALA LUMPUR – Seorang penjawat awam wanita didenda RM1,000 oleh Mahkamah Majistret di sini semalam kerana merokok dalam kawasan Hospital Kuala Lumpur (HKL) pada Disember tahun lalu. Majistret Mohamad Aizat Abdul Rahim menjatuhkan hukuman itu ke atas S. Sri Vithia, 29, yang merupakan orang kena saman (OKS) selepas dia mengaku bersalah atas pertuduhan tersebut. Mahkamah turut memerintahkan wanita itu menjalani hukuman penjara dua minggu sekiranya gagal membayar denda.

Dia membayar denda tersebut. Mengikut pertuduhan, Sri Vithia didakwa merokok di tangga aras 3, Blok Utama, HKL yang merupakan tempat dilarang merokok di bawah Peraturan II(1) (h) Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 pada pukul 8.40 malam, 7 Disember tahun lalu. OKS yang memakai baju kemeja berwarna merah dituduh mengikut Peraturan II(3), Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 yang membawa hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih daripada dua tahun, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Pejabat Kesihatan Titiwangsa, Shumizan Siron memohon hukuman setimpal manakala Sri Vithia yang tidak diwakili peguam merayu hukuman ringan dengan alasan menanggung adiknya yang masih belajar. – Bernama



HOSPITAL Kuala Lumpur yang merupakan lokasi OKS menghisap rokok pada Disember tahun lalu.